

Pembangking sambut baik

UM - 17/1/2007

KUALA LUMPUR 16 Jan. - Parti-parti pembangking hari ini menyambut baik langkah kerajaan melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dan berharap perancangan tersebut diikuti dengan pelaksanaan yang bersungguh-sungguh.

Timbalan Pengerusi DAP, Dr. Tan Seng Giaw berkata, pihaknya menyokong matlamat PIPP untuk memupuk perpaduan kaum daripada peringkat awal iaitu sejak sekolah rendah termasuk menggalakkan lebih ramai murid bukan Melayu memasuki sekolah kebangsaan (SK).

"Saya tidak mahu ini hanya menjadi cakap-cakap politik sebaliknya ia perlu diterjemahkan dalam bentuk tindakan secara serius," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, di sini.

Timbalan Presiden Pas, Nasharuddin Mat Isa pula berkata, pihaknya menyokong segala usaha kerajaan yang dapat membantu anak-anak terutama di luar bandar mendapat pendidikan terbaik.

Bagaimanapun, katanya, parti itu tidak dapat memberikan maklum balas secara menyeluruh mengenai PIPP kerana memerlukan lebih masa untuk menelitinya terlebih dahulu.

Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) turut mengalu-alukan langkah kerajaan tersebut yang dilihat tidak mengabaikan pembangunan modal insan.

Naib Presiden Keadilan, Azmin Ali berkata, ia selaras dengan pendirian parti itu yang berpendapat penyediaan prasarana moden seperti komputer adalah tidak mencukupi sekiranya guru dan murid tidak dilatih mengendalikannya.

Beliau berkata, pihaknya turut menyambut baik tumpuan yang diberikan bagi melahirkan pelajar kreatif serta tenaga manusia yang lebih berilmu dengan penekanan kepada pembelajaran sepanjang hayat.